

# 1,076 dijangkiti HIV bawah umur

**Cyberjaya:** Statistik kes HIV di negara ini mendapati 1,076 kanak-kanak berusia di bawah 13 tahun dikesan dijangkiti virus berkenaan sejak 1986 hingga Disember 2013.

Pengarah Eksekutif Yayasan Aids Malaysia, Jasmin Jalil berkata, berdasarkan rekod, seramai 50 kanak-kanak dikesan dijangkiti virus itu pada 2013, manakala 52 kanak-kanak pada 2012 dan 65 kanak-kanak pada 2011.

Menurutnya, statistik berhubung jangkitan virus HIV di kalangan kanak-kanak itu diperolehi daripada Kementerian Kesihatan.

“Jumlah kes yang mem-babitkan kanak-kanak itu mewakili satu peratus da-ri pada jumlah keseluruhan jangkitan virus HIV sepan-

jang tempoh 27 tahun.

“Mereka dikesan menda-pat virus HIV sejak dilah-irkan disebabkan ibu me-reka tidak mengambil se-barang ubat semasa me-ngandung untuk me-

ngelakkan jangki-

tan,” katanya ke-

pada pemberita

selepas Prog-

ram Kayuhan

Amal AIDS an-

juruan Universiti

Kebangsaan Ma-

laysia (UKM) dan

Yayasan AIDS Ma-

laysia di Taman Tasik

Cyberjaya di sini, sema-lam.

Hadir sama, Timbalan

Naib Canselor (Jaringan, In-

dustri dan Masyarakat)

UKM Prof Dr Imran Ho Ab-

dullah.

Pada program itu, seba-

nyak RM5,030 berjaya di-

kumpulkan dan diserahkan

kepada Yayasan AIDS Ma-

laysia.

## FAKTA

50 kanak-kanak  
dikesan dijangkiti  
virus itu pada  
2013